

17/06/2005

Mubarak-rai

MUBARAK M'SIA ANJUR MAJLIS RAI BEKAS PM

SEREMBAN, 17 Jun (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Malaysia akan menganjurkan majlis makan malam "Budi Disanjung, Jasa Dijunjung" bagi meraikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 23 Ogos depan.

Presidennya, Datuk Abdul Razak Alias berkata majlis tersebut diadakan bagi mengenang jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan negara semasa beliau menerajui kepimpinan negara.

"Kita jangka lebih 1,000 orang tetamu yang terdiri daripada bekas wakil rakyat di seluruh negara akan menghadiri majlis tersebut," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian mesyuarat agung ketiga Mubarak cawangan Negeri Sembilan oleh Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan di sini, hari ini.

Katanya majlis itu dijangka akan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajul Rosli Ghazali.

Menurutnya pada 24 Ogos pula, Mubarak Malaysia akan mengadakan mesyuarat agungnya di Bangunan Umno Perak.

Abdul Razak seterusnya berkata Mubarak Malaysia kini sedang merancang untuk menerbitkan dua buah buku yang bertajuk Almanak Pilihan Raya dan Direktori Wakil Rakyat.

Katanya buku Almanak Pilihan Raya yang diterbitkan dengan kerjasama Yayasan Buku Negara itu, adalah buku yang menyenaraikan keputusan pilihan raya umum sejak 1959 hingga 1999 manakala Direktori Wakil Rakyat pula ialah mengenai biodata anggota Mubarak di seluruh negara.

Sementara itu, Abdul Razak telah melahirkan kebimbangan dengan perkembangan masa kini apabila ada kalangan bekas wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang telah `beralih angin' dan menyokong parti pembangkang.

"Satu daripada matlamat kita semasa menjadi wakil rakyat dahulu ialah menyokong kerajaan BN. Jadi perkara ini (bekas wakil rakyat BN sokong pembangkang) tidak sepatutnya berlaku jika kita tahu di mana kita datang," katanya.

-- BERNAMA

RP AZH